

Rakyat Uganda 'impikan' kemakmuran Malaysia

BH- 23/11/2007

Daripada Kadir Dikoh
di Kampala, Uganda

TOLONG kami, bantu kami. Itulah antara rayuan seorang guru besar di sebuah sekolah rendah berasrama penuh milik masyarakat Islam di Kampala, Uganda yang menyatakan bahawa pihaknya tidak menerima sebarang bantuan.

Nsimbi Ali Rajab, 39, berkata, Kasubi Modern Islamic yang mengendalikan sekolah dengan hampir 350 murid, termasuk tadika itu cuma mengharapkan yuran daripada ibu bapa masyarakat Islam di perkampungan Kasubi itu untuk kos pengendalian, termasuk gaji guru.

"Tolong beritahu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ada di Malaysia supaya dapat menghulur bantuan untuk kami yang daif ini. Mereka boleh menghantar emel ke alamat kasubi.modern@hotmail.com untuk sebarang pertanyaan. Apakah sekolah sebegini mendapat bantuan daripada kerajaan di negara anda? Kami di sini tidak mendapat sebarang peruntukan daripada pihak berkuasa.

"Kami sedar negara Arab kaya raya, tetapi mereka tidak menghulur sumbangan. Kami cuma mendengar Malaysia sudah menjadi negara maju dan tentu boleh memberi sumbangan," katanya ketika ditemui di sekolah itu kelmarin.

Di pekarangan sekolah itu, letaknya Masjid Tauhid iaitu masjid tertua di Uganda dibina pada 1884. Kampala dengan jumlah penduduknya 23 juta, mempunyai kira-kira 50,000 umat Islam, yang berfahaman sunni.

Sesuatu yang agak luar biasa di bandar raya Kampala ialah bangunan masjid barunya agak menonjol yang dibina di merata tempat. Sekurang-kurangnya ada 10 masjid di bandar raya itu, di sebalik ia dikelilingi masyarakat bukan Islam.

Antara yang terbesar ialah masjid Kibuli dengan lokasinya terletak di atas bukit, sehingga menarik perhatian, walaupun dari jauh.


Malah, pemandangan dari masjid itu, akan membolehkan anda melihat hampir keseluruhan bandar raya Kampala.

Nsimbi berkata, pihaknya yang cuma mendengar nama Malaysia amat kagum dengan keupayaan pemimpinnya yang berjaya memacu pembangunan luar biasa sehingga terasa seperti mahu pemimpin Malaysia memimpin negara miskin seperti Uganda supaya maju sama.

Katanya, mereka mengenali nama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang begitu berani bersuara pada arena antarabangsa dan kini pula Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami ingin mendapat maklumat lebih lanjut mengenai rahsia Malaysia. Malah, mengerjakan haji ke Makkah kami memerlukan belanja sekurang-kurangnya AS\$4,000 seorang (RM13,600)," katanya sambil bertanya kos haji dari Malaysia.

Bagaimanapun, beliau terkejut apabila diberitahu bahawa kebanyakan urusan je-



WAJAH HARAPAN: Sebahagian pelajar Kasubi di Kampala yang gigih menuntut ilmu walaupun dalam serba kekurangan.

maah haji dari Malaysia dikendalikan Tabung Haji, sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan jemaah.

Seorang lagi guru di situ, Matovu Hakim Bukunya Ramzy, 28, pula berkata, masyarakat Kristian di Uganda mendapat pembiayaan seperti menjalankan kegiatan dan pembinaan gereja dari Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, katanya, masyarakat Islam di Kampala tidak mendapat sebarang bantuan dan negara jiran Arab amat sukar sekali untuk membantu.

"Ini menyebabkan kami begitu sukar menjalankan kegiatan dakwah," katanya yang mengakui bahawa masyarakat Islam di situ turut berpecah berdasarkan puak, seperti juga masyarakat bukan Islam.

Beliau turut terkejut apabila diberitahu

bahawa Kerajaan Malaysia selain badan tertentu seperti yayasan, turut memberi biasiswa kepada pelajar melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negara.

Hakim yang juga Timbalan Guru Besar sekolah itu berkata, rakyat Malaysia amat bertuah sekali kerana kerajaan bermurah hati untuk berbuat demikian.

Beliau berharap pemimpin atau wakil negara Islam yang menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kampala bermula hari ini, dapat memikirkan sesuatu bagaimana membantu memajukan masyarakat Islam di Uganda.

Malah, mereka turut mengharapkan pemimpin negara Islam datang untuk melawat kawasan pendudukan masyarakat Islam di Uganda dan melihat sendiri keadaan kemiskinan seperti sekolah dan perumahan.

Presiden Uganda, Yoweri Museveni ketika merasmikan Forum Perniagaan Komanwel di sini kelmarin, turut memuji kemajuan Malaysia dengan menyatakan bahawa menjadi kesilapan apabila masyarakat dunia menganggap negara Afrika tidak boleh mengejar kemajuan 'harimau Asia'.

"Jika kami menambah nilai kepada komoditi kami, kita boleh menyaingi Singapura dan Malaysia," katanya sambil melobi supaya negara kaya dan negara maju menghapuskan halangan perdagangan yang menghalang negara miskin daripada mengeksport barang diproses serta tambah nilai, bukan semata-mata bahan mentah.